

# UMPSA lancar penggunaan van, bas elektrik bebas karbon

Berita Harian (Pendidikan) 6/11/23 m/s : 23

**Kuantan:** Selaras dengan agenda hijau negara, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) melancarkan penggunaan kenderaan elektrik dalam memanfaatkan teknologi dan inovasi.

Menerusi inisiatif itu, dua bas elektrik dan dua van elektrik dengan stesen pengisian kenderaan

elektrik (EV) diperkenalkan di UMPSA bagi menggalakkan penggunaan karbon rendah serta kenderaan pintar yang cekap tenaga.

Majlis penyerahan replika kunci kenderaan elektrik disempurnakan Pengarah Eksekutif Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd, Wan Ahmad Wan Omar kepada

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

Dr Yuserrie berkata, UMPSA melaksanakan kempen kelestarian bagi meningkatkan kesedaran warga untuk menjaga alam sekitar seiring merealisasikan hasrat universiti menjadi kampus lestari.

“UMPSA sudah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha memperkasakan amalan lestari melalui pelbagai program yang dilaksanakan.

“Ini adalah komitmen UMPSA dalam pembangunan kampus yang lestari dan mampan,” katanya.

Susulan itu tegas Dr Yuserrie, inisiatif kampus lestari akan terus dirancarkan dengan pelbagai aktiviti seperti penanaman pokok, penjimatan tenaga dan sumber serta pengurangan karbon di dalam UMPSA.

Ia juga selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).



Satu daripada empat kenderaan elektrik yang dilancarkan di UMPSA.

(Foto ihsan UMPSA)